



## KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	22/7/2019	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

# Harimau disyaki kecelaruan minda akibat virus?

Oleh ROSALINDA MD. SAID


pengarang@utusan.com.my

■ KUALA NERUS 21 JULAI

JABATAN Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) tidak menolak kemungkinan harimau jantan 'Awang Besol' yang ditangkap di Kampung Besol di Bukit Besi, Dungun Jumaat lalu mengalami masalah kecelaruan minda.

Ketua Pengarahnya Datuk Abdul Kadir Abu Hashim berkata, kesimpulan awal itu dibuat berdasarkan tingkah laku haiwan liar itu yang dipercayai ada kena-mengena dengan serangan virus *canine distemper* yang lazimnya dibawa oleh kucing dan anjing domestik.

Menurutnya, haiwan yang terkena serangan virus *canine distemper* akan mengalami masalah kecelaruan minda sehinggalah sukar membuat perbezaan.



**HARIMAU jantan yang ditangkap di Dungun, Terengganu kelmarin disyaki dijangkiti virus *canine distemper* atau mengalami kecacatan tingkah laku sejak kecil.**

"Tabiat semula jadi harimau tentunya tidak akan melak daripada membaham atau sekurang-kurangnya menampar manusia.

"Sebab itu kita rasa ada sesuatu yang tidak kena dengan

Awang Besol. Boleh jadi juga tingkah laku tersebut merupakan kecacatan yang dialami sejak kecil," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menyampaikan Syarahan Umum

bertajuk 'Mengharungi Cabaran Pengurusan Hidupan Liar Masa Hadapan' di Auditorium Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah di Universiti Malaysia Terengganu (UMT), di sini hari ini.

Yang hadir sama, Naib Canselor UMT Prof. Datuk Dr. Nor Aieni Mokhtar.

Abdul Kadir memberitahu, sampel darah haiwan liar itu telah dihantar ke makmal dan laporan terperinci mengenaiya dijangka siap dua minggu lagi.

Ujarnya, pemeriksaan yang dijalankan selepas Awang Besol ditembakibat pelali dalam kejadian ktra-ktra pukul 3.30 petang itu mendapati harimau seberat hampir 130 kilogram berkenaan mengalami masalah dehidrasi.

Tambahnya, Awang Besol kini dikuatirkan di Pusat Konservasi Harimau di Sungkai, Perak dan difahamkan sudah makan dan minum bersama pasangan.